



Polisi Pemberian Maklumat (Whistleblowing Policy)

Record of Revision

REVISION	DESCRIPTION OF KEY CHANGES	EFFECTIVE DATE
1	Asal	11 Nov 2022
1.1	- Mengemas kini definisi "CWM Group Sdn Bhd". - Memasukkan Cipta Wawasan Maju Engineering Sdn Bhd sebagai anak CWME di bawah halaman 4.	1 Jan 2024
1.2	Mengemas kini kaedah bagi membuat kesimpulan dapatan siasatan dan tindakan terhadap laporan tanpa nama di bawah halaman 7.	5 Feb 2026
1.3	- Penambahan definisi untuk <i>Jawatankuasa (ABF)</i> dan istilah tadbir urus berkaitan. - Semakan semula Prosedur Penyiasatan untuk menjelaskan bahawa Jawatankuasa (ABF) bertindak di bawah kuasa <i>Pengurusan Tertinggi</i> dalam membentuk panel penyiasat bebas. - Penyeragaman istilah dengan menggantikan semua rujukan kepada "Kumpulan" dengan "CWME", selaras dengan Manual ABAC, Manual ABMS dan dasar berkaitan. - Penyertaan nombor dokumen untuk tujuan pengenalan dan kawalan dokumen.	6 Mei 2026
1.4	Penggantian istilah ABCF kepada ABF berdasarkan ISO 37001:2025	1 September 2026

Disemak oleh : 

Tarikh : 01.09.2026

Diluluskan oleh : 

Tarikh : 01.09.2026

CWM GROUP SDN BHD / CIPTA WAWASAN MAJU ENGINEERING SDN BHD

POLISI DAN PROSEDUR PEMBERIAN MAKLUMAT

Objektif

Pemberian maklumat (whistleblowing) merupakan satu aspek penting dalam mekanisme akauntabiliti dan ketelusan bagi membolehkan kakitangan atau rakan perniagaan CWM Group Sdn Bhd dan Cipta Wawasan Maju Engineering yang secara kolektif dirujuk sebagai “CWME” (juga dirujuk sebagai “Kumpulan”) serta orang awam untuk menyalurkan kebimbangan atau aduan secara bertanggungjawab dan berkesan.

Menjadi syarat asas bagi setiap kontrak pekerjaan bahawa kakitangan CWME akan memberikan khidmat kepada majikannya dengan setia dan tidak akan mendedahkan maklumat sulit tentang urusan majikan. Walau bagaimanapun, apabila pemberi maklumat mendapat maklumat yang mereka percaya menunjukkan amalan salah atau salah laku yang serius dalam organisasi, maklumat ini seharusnya didedahkan secara dalaman tanpa kebimbangan terhadap diskriminasi atau gangguan.

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (“APPM”)

“Suatu Akta untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta, untuk melindungi orang yang membuat pendedahan itu daripada tindakan yang memudaratkan, untuk mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat dan diuruskan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.”

Pada asasnya, APPM memberikan perlindungan undang-undang kepada pemberi maklumat daripada dibuang kerja atau dikenakan hukuman oleh majikan mereka akibat mendedahkan kebimbangan yang serius. Peruntukan dalam APPM adalah untuk memastikan pemberi maklumat tidak berasa terjejas apabila menyuarkan kebimbangan yang munasabah.

Perlu juga ditekankan bahawa dasar ini bertujuan membantu pemberi maklumat yang percaya bahawa mereka menyedari berlakunya amalan salah atau kelakuan tidak wajar. Ia **bukan bertujuan** untuk mempersoalkan keputusan kewangan atau perniagaan yang diambil oleh CWME dan tidak boleh digunakan untuk **menimbangkan semula apa-apa perkara yang telah dikendalikan** di bawah prosedur gangguan, aduan, tata tertib atau mana-mana prosedur lain. Sebaik sahaja prosedur “pemberian maklumat” tersedia, pekerja diminta menggunakannya dan tidak menyuarkan aduan mereka di luar CWME.

Definisi

- | | | |
|----------------------|---|---|
| Pengurusan Tertinggi | : | Merujuk kepada peringkat pengurusan tertinggi dalam CWME yang bertanggungjawab meluluskan Dasar ABMS termasuk Polisi Pemberian Maklumat serta mengawasi keberkesanannya. |
| Jawatankuasa (ABF) | : | Merujuk kepada <i>Anti-Bribery Function</i> , terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan (HOD), bertanggungjawab terhadap pentadbiran, pelaksanaan, pemantauan dan semakan dasar ini. |

Skop Dasar

Mana-mana orang yang berikut (“**pemberi maklumat**”) boleh membuat laporan kepada CWME tentang apa-apa amalan salah atau kelakuan tidak wajar:

- semua kakitangan dalam CWME, yang merujuk pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif), pekerja (termasuk pekerja tetap, sambilan dan kontrak);

- semua rakan perniagaan, iaitu pihak luar seperti pelanggan, pembekal, kontraktor dan pihak berkepentingan lain yang mempunyai hubungan perniagaan dengan CWME; dan
- anggota masyarakat.

Dasar ini dirangka untuk:

- Menyokong nilai kami;
- Memastikan pemberi maklumat menyuarakan kebimbangan tanpa rasa takut akan menerima balasan; dan
- Menyediakan proses yang telus dan sulit untuk mengendalikan kebimbangan.

Dasar ini bukan hanya meliputi kelakuan tidak wajar yang mungkin berlaku dalam urusan pelaporan kewangan, tetapi hendaklah juga termasuk yang berikut:

- Amalan salah atau kelakuan tidak wajar atau penipuan dalam kewangan
- Kegagalan mematuhi obligasi undang-undang atau kawal selia
- Kesihatan dan keselamatan, atau alam sekitar
- Aktiviti jenayah
- Perbuatan sogokan dan rasuah
- Kelakuan tidak wajar atau tingkah laku tidak beretika
- Konflik kepentingan yang serius tanpa pendedahan
- Apa-apa perkara tidak wajar lain yang serius yang boleh menyebabkan kerugian kewangan atau bukan kewangan kepada CWME atau menjejaskan nama baik CWME
- Menyembunyikan mana-mana perkara yang di atas.

Prinsip

- Semua kebimbangan sebenar yang disuarakan akan dikendalikan secara adil.
- Gangguan atau pemangsaan terhadap mana-mana pemberi maklumat yang menyuarakan kebimbangan sebenar tidak akan dibiarkan.
- Identiti pemberi maklumat yang membuat pendedahan akan dirahsiakan kecuali dia bersetuju sebaliknya, atau keadaan menghendaki sebaliknya.
- Akan memastikan pemberi maklumat tahu siapa yang mengendalikan perkara tersebut.
- Akan memastikan tiada sesiapa pun yang akan menghadapi risiko menerima apa-apa balasan akibat menyuarakan kebimbangan, walaupun jika pemberi maklumat itu tersilap. Walau bagaimanapun, jaminan ini tidak diberikan kepada orang yang dengan niat jahat menyuarakan perkara yang diketahui sebagai tidak benar.

Keselamatan

i. Perlindungan

Dasar ini dirangka untuk memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat yang mendedahkan kebimbangan tertentu dengan syarat pendedahan itu dibuat:

- dengan jujur; dan
- dengan kepercayaan yang munasabah oleh pemberi maklumat yang membuat pendedahan bahawa ia bertujuan menunjukkan amalan salah atau kelakuan tidak wajar dan jika mereka membuat pendedahan itu kepada orang yang sewajarnya (lihat di bawah).

ii. Kerahsiaan

CWME akan mengendalikan semua pendedahan seumpamanya secara sulit. Identiti pemberi maklumat yang membuat tuduhan akan dirahsiakan selagi ia tidak menghalang atau menggagalkan apa-apa penyiasatan. Walau bagaimanapun, proses penyiasatan mungkin mendedahkan sumber maklumat dan pemberi maklumat yang membuat pendedahan mungkin perlu memberikan pernyataan sebagai sebahagian daripada proses atau bukti yang dikehendaki.

Jika CWME berhadapan dengan keadaan yang memerlukan kepada pendedahan identiti, CWME akan cuba membincangkan perkara ini dengan pemberi maklumat terlebih dahulu.

Sekiranya pemberi maklumat memilih untuk mendedahkan identitinya sama ada secara dalaman atau di luar/di hadapan awam, CWME tidak lagi terikat untuk mengekalkan kerahsiaan pemberi maklumat.

iii. Tuduhan Tanpa Nama

Dasar ini amat menggalakkan pemberi maklumat memberikan nama bagi apa-apa pendedahan yang dibuatnya. Walau bagaimanapun, pemberi maklumat boleh meminta supaya namanya dirahsiakan, jika dia memilih untuk berbuat demikian. Pemberi maklumat tanpa nama digalakkan memberikan alamat e-mel atau maklumat hubungan lain bagi memudahkan penyiasatan sewajarnya.

Pemberi maklumat dinasihatkan supaya memberikan maklumat yang cukup bagi membolehkan CWME menjalankan penyiasatan. Selain itu, faktor yang akan diambil kira termasuklah:

- Tahap seriusnya isu atau kebimbangan yang disuarakan
- Kebolehpercayaan terhadap kebimbangan
- Kemungkinan mendapat pengesahan tentang tuduhan daripada sumber yang menjadi puncanya

iv. Tuduhan Tidak Benar

Jika pemberi maklumat membuat tuduhan secara jujur, yang tidak disahkan melalui penyiasatan yang dibuat selepas itu, maka tindakan tidak akan diambil terhadap individu tersebut. Semasa membuat pendedahan, pemberi maklumat hendaklah berhati-hati bagi memastikan ketepatan maklumat. Walau bagaimanapun, jika pemberi maklumat membuat tuduhan dengan niat jahat atau bertujuan menyusahkan, terutamanya jika dia seorang pekerja dan dia terus melakukannya, maka tindakan tatatertib akan diambil terhadap pekerja tersebut.

Cara Menyuarakan Kebimbangan atau Memberikan Maklumat

Kepada siapa laporan perlu dibuat:

Anda boleh melaporkan kepada 'Anti-Bribery Function (ABF)' melalui emel: cwme.abcf@gmail.com.

Cara membuat laporan:

- Kebimbangan atau maklumat sebaiknya dikemukakan secara bertulis melalui e-mel. Sebaiknya, Kumpulan mengesyorkan agar setiap laporan disediakan secara terperinci dengan menyatakan latar belakang dan kronologi kejadian serta sebab kebimbangan tersebut. Laporan hendaklah dihantar melalui Google Form Laporan Pemberi Maklumat CWM yang boleh diakses melalui pautan ini – <https://forms.gle/BpRrahWvzCuV7kj99>. Alamat e-mel tidak akan dikumpul atau dijejak apabila Google Form dihantar – anonimiti adalah terpelihara.

- Selain itu, anda boleh menghantar Borang Laporan Pemberi Maklumat yang telah dilengkapkan sewajarnya melalui pos ke alamat yang berikut:

Anti-bribery Function (ABF)
CWM Group Sdn Bhd
Lot 12, Persiaran Kemajuan 16/16
40200 Shah Alam
Selangor

Prosedur Penyiasatan

Proses penyiasatan adalah seperti yang berikut:

- Butiran dan penjelasan penuh aduan hendaklah diperoleh.
- Bergantung pada jenis/ciri kes/aduan yang dilaporkan, Jawatankuasa (ABF), dengan kuasa yang diberikan oleh Pengurusan Tertinggi, bertanggungjawab membentuk panel penyiasat bebas yang boleh terdiri daripada bahagian perniagaan/kakitangan berwibawa seperti Ketua Jabatan untuk mengendalikan isu yang dilaporkan.
- Panel penyiasat hendaklah memberitahu subjek yang aduan dibuat terhadapnya secepat dan semunasabah yang mungkin. Subjek akan dimaklumkan tentang haknya untuk diiringi oleh kesatuan sekerja atau wakil lain (jika berkenaan) pada mana-mana temu bual atau pendengaran pada masa depan yang diadakan di bawah peruntukan prosedur ini.
- Tuduhan hendaklah disiasat sepenuhnya oleh panel penyiasat dengan bantuan individu/badan lain, jika sesuai.
- Dapatan berhubung dengan aduan dan kesahan aduan akan dibuat oleh panel penyiasat. Dapatan ini akan diperincikan dalam laporan bertulis yang mengandungi dapatan bagi penyiasatan dan kesimpulan dapatan. Laporan akan diserahkan kepada Jawatankuasa, mengikut mana-mana yang sesuai.
- Jawatankuasa yang berkaitan akan memutuskan tindakan yang akan diambil. Jika aduan didapati sah, prosedur tatatertib atau prosedur CWME yang lain sebagaimana sesuai akan digunakan.
- Pemberi maklumat akan sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan penyiasatan, jika sesuai, dan keputusan akhir.

Jika pemberi maklumat tidak berpuas hati kerana kebimbangannya tidak dikendalikan sewajarnya oleh panel penyiasat, dia berhak menyuarakannya secara sulit kepada Jawatankuasa atau salah seorang yang dilantik sebagaimana dinyatakan di atas.

Apakah akan berlaku selepas penyiasatan selesai dijalankan?

- Dapatan penyiasatan akan disampaikan kepada Jawatankuasa untuk apa-apa tindakan yang perlu.
- Panel penyiasat akan menyampaikan kesimpulan bagi semua dapatan kepada pemberi maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh dasar, untuk penutupan.

Penyimpanan Rekod dengan Selamat

- Semua kebimbangan yang diterima secara bertulis melalui saluran yang dinyatakan di atas bersama dengan dokumen penyiasatan yang berkaitan akan disimpan oleh CWME bagi tempoh minimum tujuh tahun.
- Semua laporan, bukti yang menyokongnya, dapatan penyiasatan dan pemantauan terhadap tindakan pembetulan akan diselenggara dan dipantau oleh CWME.

Pengawasan dan Pemilikan Dasar

- Pihak Lembaga CWME bertanggungjawab secara menyeluruh terhadap Dasar ini dan hendaklah mengawasi pelaksanaan Dasar ini.
- Pihak Lembaga telah menyerahkan tanggungjawab untuk mentadbir dan melaksanakan Dasar ini kepada Jawatankuasa .
- Penggunaan dan keberkesanan Dasar ini hendaklah sentiasa dipantau dan dikaji semula oleh Jawatankuasa, yang menjadi pemilik dokumen ini dan hendaklah bertanggungjawab memasukkan apa-apa pindaan dan maklumat kemas kini ke dalam dokumen ini, mendapatkan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa bagi pindaan dan maklumat kemas kini tersebut dan mengedarkannya kepada pihak yang berkaitan.
- CWME akan mengkaji semula dasar ini untuk menilai keberkesanannya, dari masa ke semasa.